INSPIRASI

KE - 15

RECEIVED
9 MAY 2000
Politeknik
Port Dickson

PORT DICKSON POLITEKNIK

TERUS BERSAMA MENJANA KEGEMILANGAN

JPP

2000

ISO 9002

BERSAMA MENJANA KECEMERLANGAN



LG 173 P65 2000



0000030295
Politeknik Port Dickson
Inspirasi ke-15 Sesi Jan 2000 : Bersama Menjana
Kecemerlangan / Politeknik Port Dickson.

00030295

A...



KATA-KATA ALUAN

PERPUSTAKAAN
POLITEKNIK PORT DICKSON

PESANAN KERAJAAN	–
NO. INVOIS	–
PEMBEKAL	Sumbangan
NO. PANGGILAN	LG 173. P65 2000



KATA PENDAHULUAN
PENGETUA

Selamat Sejahtera

Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada barisan sidang redaksi Majalah Inspirasi PPD bagi Sesi Jan 2000 di atas daya usaha tanpa jemu untuk menerbitkan majalah yang mengisi segala aktiviti yang dilaksanakan di kampus Politeknik Port Dickson sepanjang sesi ini.

Majalah Inspirasi merupakan penggerak serta penjana kecemerlangan pendidikan yang dapat membuka minda pelajar yang berkarya kreatif kerana ianya sememangnya salah satu majalah yang mendapat tempat di hati pelajar.

Usaha-usaha dalam menerbitkan majalah yang merakamkan segala kegiatan dan aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan serta diselitkan dengan hasil karya pelajar sememangnya dialu-alukan dan diharap-harapkan oleh semua pihak.

Majalah ini juga bertindak sebagai album yang memuatkan segala maklumat sesebuah institusi serta mencerminkan kegemilangan perkembangan para pelajar baik dari aspek akademik mahupun ko-kurikulum.

Besar harapan saya agar Majalah Inspirasi menjadi pencatat maklumat dan ilmu terbaik untuk dimanfaatkan oleh semua warga Politeknik Port Dickson. Semoga ianya juga akan mencetuskan semangat buat kita untuk terus 'Bersama Menuju Kecemerlangan' sebagaimana yang kita realisasikan.

Akhir kata, tahniah sekali lagi saya ucapkan kepada sidang redaksi Inspirasi serta semua yang terlibat bagi menjayakan penerbitan majalah ini. Semoga segala usaha murni sebegini akan menjadi kesinambungan pada sesi yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

'Selamat Maju Jaya'

.....

(IR. KHOR BOK CHIM)
Pengetua,
Politeknik Port Dickson.



PENASIHAT JPP

Assalamualaikum wm. dan Selamat Sejahtera

Syukur Alhamdullillah kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, telah mengizinkan saya merakamkan sekalung penghargaan dan tahniah kepada barisan AJK sidang redaksi Inspirasi Politeknik Port Dickson (PPD) Sesi Januari 2000 yang telah berjaya menghasilkan majalah utama Jawatankuasa Perwakilan Pelajar PPD. Pada keseluruhannya, penerbitan majalah ini nyata terserlah pada setiap keluaran. Saya amat berharap agar ianya senantiasa berterusan pada sesi-sesi yang akan datang Insya-Allah.

Selaras dengan kemajuan dan penggunaan teknologi tinggi masa kini, banyak maklumat disebarkan. Oleh itu dalam usaha melahirkan golongan tenaga kerja separa profensional yang berilmu dan bermaklumat, adalah diharapkan usaha-usaha penerbitan sebegini akan dijadikan sebagai salah satu cabang ke arah membentuk pelajar berilmu dan berwawasan dalam segala bidang khususnya teknologi dan perdagangan. Penerbitan ini juga dapat mengasah bakat dan keintelektualan pelajar dan secara tidak langsung dapat membina minda yang kreatif di dalam melayari alaf baru , tahun 2000.

Malajah Inspirasi PPD sejak awal kemunculannya sehingga kini senantiasa diperhebatkan dengan pelbagai idea dan kreativiti terkini. Di samping itu, ia dapat membentuk satu daya saing yang sihat dalam usaha menghasilkan bahan bacaan kepada semua ahlinya. Walaupun pada mulanya ianya menghadapi masalah teknikal, namun akhirnya ia dapat dihasilkan dan dengan wajah alaf baru pula. Syabas dan tahniah kepada sidang redaksi Inspirasi di atas segala pengorbanan tenaga dan masa untuk merealisasikan setiap perancangan yang disusun sejak awal semester lagi.

Akhir kata, saya mengucapkan selamat maju jaya buat ahli JPP Khususnya dan seluruh warga politeknik amnya dan sekalung tahniah kepada semua yang terlibat dalam pembikinan Majalah Inspirasi PPD Sesi Januari 2000. Semoga daya usaha dan komitmen yang diberikan akan terus dikekalkan di masa yang akan datang.

" SELAMAT MAJU JAYA "

Sekian Terima Kasih...

.....

(MAHMOD BIN HAJI BASAR, AMN)
Penasihat, JK Perwakilan pelajar,
Politeknik Port Dickson.



PENASIHAT EXCO PENERBITAN

Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera

Syukur Alhamdulillah kerana dengan limpah kurnia dan keredhaan-Nya, saya telah diberi peluang untuk merakamkan sekalung penghargaan dan tahniah buat barisan AJK sidang redaksi Inspirasi PPD Sesi Jan 2000 di atas kejayaan mereka untuk menerbitkan majalah utama Politeknik Port Dickson. Keseluruhannya, penerbitan majalah ini ternyata terselah pada setiap sesi keluaran. Saya amat berharap, agar ianya sentiasa berterusan pada sesi-sesi yang akan datang yang amat melibatkan dunia teknologi canggih.

Selaras dengan dunia teknologi tinggi pada masa kini, banyak penggunaan maklumat disebarkan. Oleh itu dalam usaha melahirkan golongan pelajar yang bermaklumat dan berilmu adalah diharapkan usaha-usaha penerbitan sebegini rupa akan dijadikan sebagai salah satu daripada cabangnya ke arah pelajar berwawasan dan berilmu dalam segala bidang khususnya teknologi. Selain itu, bidang penerbitan ini juga dapat mengasa tahap keintelektualan pelajar dan secara tidak langsung dapat membina minda yang kreatif di dalam ' Menuju Alaf Baru ', iaitu tahun 2000.

Majalah Inspirasi PPD pada awal kemunculannya di Politeknik Port Dickson sentiasa diperhebatkan dengan pelbagai idea dan kreativiti terkini pelajar. Di samping itu, ia dapat membentuk satu daya saing yang sihat dalam usaha menghasilkan bahan bacaan buat semua kaum tidak kira Melayu, Cina, India dan sebagainya. Walaupun pada mulanya ia menghadapi masalah teknikal, namun akhirnya ia dapat juga dihasilkan dengan wajah alaf baru. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada barisan AJK sidang redaksi Inspirasi PPD di atas segala pengorbanan dan tenaga yang diberikan untuk merealisasikan setiap perangcangan yang disusun sejak awal lagi.

Akhir kata, saya mengucapkan selamat maju jaya buat seluruh warga Politeknik Port Dickson dan segulung tahniah kepada semua yang terlibat dalam pembikinan Inspirasi PPD yang berwajah baru bagi Sesi Jan 2000 ini. Semoga daya usaha dan komitmen yang diberi akan dapat dikekalkan pada masa-masa yang akan datang.

' Selamat Maju Jaya '

.....

(EN. AMINUDDIN BIN HAMDAN)
Penasihat Biro Penerbiran JPP
Politeknik Port Dickson



KATA-KATA ALUAN PRESIDEN JPP

Assalamualaikum w.b.t dan Selamat Sejahtera

Maha Suci Allah, Tuhan Semesta Alam, kesyukuran dipanjatkan di mana dengan izinNya maka terhasillah Majalah Inspirasi yang menjadi wadah kepada kecemerlangan pelajar PPD. Setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan ditujukan khas buat barisan AJK Sidang Redaksi Majalah Inspirasi Sesi Januari 2000 di atas usaha dan kesungguhan yang dipamerkan.

Majalah Inspirasi yang menjadi kebanggaan Pelajar PPD ini memaparkan pemikiran dan kepimpinan pelajar dalam mencorakkan kegiatan pergerakan pelajar sepanjang semester Januari 2000. Ia bukan sekadar mencerminkan daya keintelektualan bahkan diserikan lagi dengan percikan kreativiti karya pelajar yang berilmu dan bermaklumat. Penerbitannya dengan nafas yang terkini dan senantiasa diperhebatkan di sertai oleh jamak budaya melambangkan sikap terbuka dan toleransi para pelajar. Seharusnya ia mampu menjadi petunjuk yang berkesan dan kenangan yang berguna di masa hadapan.

Namun janganlah kita terlena dengan pujian dan mengukur kejayaan kita hanya dengan berpandukan fakta dan panduan konvensional. Pemikiran pelajar yang sedia ada harus digilap dari masa ke semasa, dipupuk dan dibaja sehingga hasilnya menjadi kenyataan. Marilah kita melangkah sederap dalam memastikan kesinambungan kecemerlangan ini menemui sasarannya.

Akhir kata, tahniah dan syabas buat Sidang Redaksi Inspirasi dan semua yang terlibat dalam pembikinannya. Kepada warga PPD yang akan meneruskan perjuangannya di kampus ini, bersedialah untuk mencorakkan pergerakan pelajar seterusnya. Kepada mereka yang akan meninggalkan PPD bagi memulakan kehidupan yang berbeda dan baru, semoga dengan ilmu dan pengalaman yang dibekalkan kepada kita akan digunakan untuk memperkasakan lagi diri dan negara.

Sekian, Terima Kasih.

"BERSAMA MENJANA KECEMERLANGAN"

(SHAHRULNIZAM BIN LOB AHMAD)
(224 / DJA / 97)
Presiden
Jawatankuasa Perwakilan Pelajar
Politeknik Port Dickson
Sesi Januari 2000



SEKAPUR SIRIH DARI EXCO PENERBITAN

ASSALAMVALAIKVM DAN SALAM SEJAHTERA

Alhamdullillah saya panjatkan kesyukuran saya kepada Allah S.W.T kerana telah di beri peluang untuk memberikan sepatah dua kata di dalam ruangan ini sempena Majalah Inspirasi yang ke 15. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada sidang redaksi Inspirasi sesi Januari 2000 kerana telah berjaya menghasilkan majalah ini yang mengisi segala aktiviti yang dijalankan di kampus Politeknik Port Dicskon.

Pada mulanya saya tidak menyangka bahawa majalah Inspirasi pada kali ini mungkin tidak dapat dikeluarkan memandangkan masa pada semester ini terlalu pendek. Tetapi dengan berkat usaha gigih barisan Unit Inspirasi ini telah membuktikan bahawa kesuntukan masa bukanlah satu alasan semata-mata.

Untuk pengetahuan semua, Majalah Inspirasi adalah merupakan sebuah majalah yang mempunyai banyak ilmu pengetahuan di samping dapat mengasah bakat para pelajar untuk berkarya secara kreatif. Di samping itu juga, Majalah Inpirasi terkandung segala aktiviti yang dijalankan oleh para pelajar mahupun kakitangan PPD mengikut kelab dan persatuan masing-masing.

Pelbagai kenangan manis dan pahit yang dapat kita kongsi bersama sewaktu pelajar menjalankan aktiviti di Politeknik Port Dickson ini yang mana kenangan ini semua akan dijadikan memori kita apabila kita tamat belajar nanti.

Akhir kata dari saya, syabas dan tahniah sekali lagi kepada barisan Unit Inspirasi sesi Januari 2000 kerana telah berjaya menyiapkan majalah Inspirasi yang ke 15 ini. Adalah di harapkan semoga anda semua menggunakan pengalaman yang ada untuk di gunakan di alam pekerjaan nanti dan semoga penerbitan Majalah Inspirasi ini akan terus mendapat sambutan di kalangan pelajar POLITEKNIK PORT DICKSON.

Sekian, terima kasih.

(ROSAZMAN B. BONI)
Pengerusi Exco Penerbitan
Politeknik Port Dickson
Sesi Januari 2000



PENGERUSI

UNIT INSPIRASI

Selamat Sejahtera,

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah bersama-sama mencurahkan sepenuh tenaga mereka demi untuk memberi satu nafas baru kepada Unit Inspirasi bagi mengehasilkan Majalah Inspirasi ke-15 ini yang lain daripada yang lain. Di manam, ucapan ini ditujukan terutamanya kepada AJK-AJK Unit Inspirasi yang telah menjadikan Inspirasi ini satu reality dan kebanggaan buat diri kita.....

Tidak lupa juga ucapan terima kasih dan penghargaan kepada pensyarah-pensyarah yang telah sedikit sebanyak memberi tunjuk ajar dan sumbangan serta sanggup meluangkan masa sehingga Majalah Inspirasi ini dapat diterbitkan.....

Selaku Pengerusi bagi Unit Inspirasi, di sini saya ingin menekankan bahawa " co-orperation and support " memainkan peranan yang penting dalam hidup kita sekiranya kita ingin menghasilkan sesuatu produk ataupun pengeluaran. Di samping itu, kemahiran dalam bidang penulisan dan penerbitan sepatutnya dipupuk dalam sanubari para pelajar demi menjadikannya satu media penyebaran informasi yang berkesan kelak...

Untuk pengetahuan pelajar, majalah ini diterbitkan dengan tujuan menyingkap kembali peristiwa yang berlaku sama ada kepada diri kita, kawan kita ataupun aktiviti-aktiviti di Politeknik Port Dickson sebagai satu renungan buat diri kita pada masa akan datang.....

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan sekali lagi ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam penerbitan majalah ini serta jutaan tahniah dan ***Selamat Maju Jaya*** kepada pelajar-pelajar yang akan menamatkan pengajiannya di Politeknik ini begitu juga kepada mereka yang masih menuntut ilmu di Politeknik ini serta terus majukan bidang penerbitan ini.....

USAHA TETAP JAYA

Sekian Terima Kasih,

.....

(Lau Boon Piew)
Pengerusi Inspirasi
Wakil Kelas DEP6

B...

CARTA ORGANISASI



UNIT INSPIRASI



LAU BOON PIEW
227 DEP 97
Pengerusi



DEVARAJ A/L D.LECHIMINAN
210 DEP 97
N. Pengerusi



SUZARIANY BT. BAHARUDDIN
212 DEP 97
Setiausaha



SURIATI BT. KASIM
411 DEP 99
N. Setiausaha

Editor-Editor



ROSHANPAL SINGH
212 DPR 97



LAI KOON YEN
214 DEP 9'



MOGAN A/L KRISNAN
412 DEP 99



BASILIUS SAIMON
@ BARNABAS
413 DEP 99



KIEW WAI GUAN
125 DAT 99

00030295

AHLI JAWATANKUASA TERTINGGI JAWATANKUASA PERWAKILAN PELAJAR SESI JAN 2000



DUDUK DARI KIRI :

- Pengerusi
SHAHRULNIZAM BIN LOB AHMAD
224 DJA 97

- N.Setiausaha
SURAYA BINTI IBRAHIM
257 STP 99

- Setiausaha
EMMA RIZZAD BINTI A.RAHMAN
217 DSK 99

- Bendahari
EMELYA ASMARINA BINTI HILMI
122 DAT 99

- N.Pengerusi
AIZAD BIN MOHD ZID
426 DTP 99

BERDIRI DARI KIRI :

- Exco Penerbitan
ROSAZMAN BIN BONI
121 DJA 96

- Exco Kebajikan
HAMRUS BIN DUASA
430 DEK 99

- Exco Sukan
NORIZAN BIN IBRAHIM
408 DJA 99

- Exco Kelab&Persatuan
M.KHAIRULAZMI BIN RAHMAT
425 DTP 99

- N.Bendahari
FAZRI IZZUAN BIN HJ.BASIR
428 DTP 99

SENARAI PENGAWAI-PENGAWAI KANAN POLITEKNIK PORT DICKSON

PENGETUA
Ir. Khor Bok Chim, PPT
MSc (Protec)
BSc.(Hons), D.I.C., MMIM, MIEM, P.Eng.

KETUA JABATAN KEJ. AWAM
Mahmod B. Haji Basar, AMN
BSc (Civil Eng.)(UK),
Dip. (Civil Eng.)(UTM), PGCE

KETUA JABATAN KEJ. ELEKTRIK
Nordin B. Mahmud
MSc (Elect. Power & Control)(UK),
BSc (Hons)(Elect.& Electronics)
(UK), SPLI

KETUA JABATAN KEJ. MEKANIKAL
Mohd. Ghaus B. Ab Kadir
MSc (Auto), ISVR (Southampton)
Beng (Hons)(Mech)(Liverpool), PGCE(Tech)

KETUA JABATAN PERDAGANGAN
Mohd. Kharir B. Mohd. Ibrahim
MSc (Accouting)(USA)
B.Account (UK)

KETUA JABATAN MATEMATIK, SAINS DAN KOMPUTER
Mohd. Redza B. Ma'amor
B Ed (VTE)(USA), CTTSO (UK)
Dip.Eng(Elect Comm.)(UTM)

KETUA JABATAN PENGAJIAN AM
Wan Mohd Hujjatullah B. Wan Ghazali
BA(Hons)(Pengajian Islam)(UKM)
Dip.Pend.(MPBR)

PEGAWAI HAL-HAL PELAJAR
Aminuddin B. Hamban
B Tech & Ed(Hons)(mech)(UTM)
Dip.Eng(Mech)(utm), Cert.Eng(Auto)(PUO)

PEGAWAI PEPERIKSAAN
Mohd. Nazari B. Ahmad
MSc (Information Syst)(LUM,UK)
BSc(Computer Syst)(UWCC,UK),
Dip.Kej.Elektrik(Kuasa)(UTM)

PEGAWAI PERHUBUNGAN DAN LATIHAN INDUSTRI

Muhamad Rumzi B. Mamat

MSc(Ed) Environmental Science Ed. (Southampton), BSc (Civil Eng.)(Texas), Dip.Ed.

PEGAWAI PERPUSTAKAAN

Arshad B. Md. Yusof

Sar.Muda Kej.Elektrik(Hons)(UTM)
Dip.Kej.Elektrik(UTM)

PEGAWAI KAUNSELING

Nooraini B. Haji Ismail

BA(Hons)(Pengajian Islam)(UKM)
Dip.Pendidikan(KPLI)

PEGAWAI BIASISWA

Md. Kassim B. Jaafar

B.Tech & Ed.(Civil Eng.)(UTM)
Dip.Civcil Eng.(UTM)

PEGAWAI SUKAN

Mohd. Nor Mazlan B. Ismail

Dip.Eng.(Elect. Power)(ITM)



SENARAI KAKITANGAN AKADEMIK
JABATAN KEJURUTERAAN AWAM

1.	Mahmod B. Basar, A.M.N	BSc(Civil)(UK), Dip(Civil Eng)(UTM), PGCE
2.	Ani Asmah Bt. Tajul Ariffin	M.Eng(Envir)(UTM), BSc(Civ.Eng)(USA),SPLI(MPT)
3.	Megat Nabil Mohsin M.M.Nor	B.Eng(Hons)(Civ.Eng)(UK)
4.	Isham Shah B. Hassan	B.Arch(Struct.)(Texas,USA)
5.	Noor Azizah Bt. Ibrahim	B.Sc(Civ.Eng)(Korea), Dip. Civil Eng. (UTM)
6.	Norsilah Bt. Wahiduddin	Adv. Dip(Civ.Eng)(ITM), Dip(Civ.Eng)(ITM)
7.	Nurul Huda Bt. Mohd Raji	B.Arch(Design)(Texas,USA)
8.	Zaidi B. Zakaria	Adv.Dip(Civ.Eng)(ITM)Dip.Civil Eng.(ITM), Dip.Ed(UTM)
9.	Noraina Bt. Abdul Rahman	B.Eng(Hons)(Civil)(UTM), Dip. Civ.Eng(UTM)
10.	Md. Kassim B. Jaafar	B.Tech & Ed(Civil)(UTM), Dip.Civ.Eng(UTM)
11.	Jamaliah Bt. Ahmad	BSc(Hons)(Town Plan)(UTM), Dip.Ed(UTM)
12.	Sazali B. Ibrahim	B.Tech & Ed(Hons)(Civil)(UTM), Dip.Eng(Civil)
13.	Lajakarek B. Hj Mohd. Amin	B.Tech & Ed(Hons)(Civil)(UTM),Dip.Eng.Civil (UTM)
14.	Azman B. Omar	BSc Civil(UTM), Dip.Civil Eng(UTM)
15.	Zainal B. Abdul Rahman	Sar. Muda(Kej. Awam)(UTM),Sijil Kej.Awam(POLISAS)
16.	Rosilawati Bt. Ahmad Khalil	Sarj.Pend.(ITTHO), Sar.Muda Kej.Awam(ITTHO) Sijil. Kej. Awam (POLISAS)
17.	Annuar B. Mohd Ali	B.Arch.(USA)
18.	Halizah Bt. Awang	MEd(ITTHO) BSc Civil Eng(ITTHO),Sij.Kej.Awam(PPD)
19.	Mokhsen B. Ahmad	Sar. Muda Landskap(UTM), Dip.Arch(UTM)
20.	Samsuddin B. Mat Amin	Dip. Ukur Tanah(UTM), Sijil Perguruan
21.	Roslina Bt. Abdul Talib	Dip.Civil Eng.(UTM)
22.	Yakop B. Othman	Cert.Ed(MPTKL)
23.	Nawawi B. Abd. Jalil	Dip.Building Eng.(ITM), Teaching Cert.(IPDA)
24.	Zulkifli B. Ahmad	Dip.Civil Eng.(ITM), Teaching Cert. (MPKI)
25.	Arifin B. Harun	Dip.Property Evaluation(UTM), Teaching Cert.(IPDA)
26.	Reduan B. Mahat	Dip Arch(ITM), Teaching. Cert. (MPKI)
27.	Noor Hayati Bt. Ismail	Dip Arch(UTM), Cert. Ed (MPKI)
28.	Azmi B. Abu Bakar	Cert.Civil Eng. (POLISAS), Tech. Teaching Cert. (MPT)
29.	Azlan B. Yahya	Dip (Land Survey)(UTM), Cert. Ed(MPKI)
30.	Asmah Bt. Jaafar	Dip.Arch.(UTM), Teaching Cert. (MPKI)
31.	Latifah Bt. Haroon	Dip. Quantity Survey(ITM)
32.	Mubin B. Minhaj	Cert. Civil Eng(POLIMAS), Cert.Ed(MPTKL)
33.	Sharul Kamil B. Mohd Yunus	Dip. Arch(UTM), Cert.Arch.(PUO)
34.	Zul Rashidi B. Hussin	Dip.Eng & Ed.(Civil)(ITTHO), Cert.Eng.(Civil)(PKB)
35.	Sivanandan A/L Balakrishnan	Dip.Eng. & Ed(Civil)(ITTHO),Sijil Kej.Awam(PPD)

SENARAI KAKITANGAN AKADEMIK
JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK

1.	Nordin B. Mahmud	MSc(Elect.Power & Control)(UK) BSc (Hons)(Elect. & Electr.)(UK),SPLI(MPPPP)
2.	Zainab Bt. Ahmad	BSc(Hons)(Elect ENG.)(UK), Dip.Psycology(Counseling)(UK),Cert.Ed(MPT)
3.	Mohd Ibrahim B. Mastor	MSc(Electro. Cont. Eng.)(UK), B Eng(Hons)(Comp. & Contr Sys Eng)(UK) Dip. Elect (Comm)(UTM)
4.	Fauziah Bt. Zakaria	BSc. Eelektrik(Hons)(UTM), Dip. Kej. Elektrik(Perh)(UTM)
5.	Normah Bt. Jantan	B.Eng.(Electrical(UKM), Dip.Ed.(UKM)
6.	Zainab Bt. Musri	BSc(Hons) Tek & Pen (Elekt)(UTM), Dip Kej Elek.(Perh)(UTM)
7.	Sh. Noriza Bt. Syed Ibrahim	BSc(Hons)(Elect.Eng)(Korea)
8.	Masilah Bt. Atan	BSc(Electrical Eng)(USA)
9.	Sulaiman B. Subari	BSc.Eng.(Elek. Power)(UTM), Dip.Ed
10.	Norhayati Bt. Affandi	B Eng(Eelectrical)(UTM)
11.	Sahul Hamed B. Hj Abdul Wahab	B. Tech. & Ed(Hons)(Elect)(UTM), Dip Kej Elektrik (Kuasa)(UTM)
12.	Saerah Bt. Abd Rahim	B.E.(Hons)(Comp & Comm)(USM)
13.	Abdullah B. Hj Morad	BSc. Tek & Pend(Elektrik)(UTM),Sijil Perguruan(MPTKL)
14.	Murugan A/L Krishnan	BSc. Tek & Pend (Elektrik)(UTM),Sijil Perguruan(MPTKL)
15.	Nor Hayati Bt. Chik	B.Eng.(Medical Elect)(ITTHO), Dip. Eng(Enik Comm)(UTM)
16.	Norhalidah Bt. Yunus	MEd.Am(ITTHO),BSc Elektr.(Tek. Komp)(ITTHO) Sijil Kej. Elekt(Tek. Komp)(PPD)
17.	Hoo Mow Heng	MEd.(ITTHO),BSc Elektr.(Tek.Komp.)(ITTHO) Sijil Kej. Elekt(Tek. Komp)(PPD)
18.	Mohd Zaini B. Kemon	MEd. (ITTHO),BSc Elect. Eng(ITTHO) Sijil Kej. Jangkawas & Kawalan(PUO)
19.	Mohd Shafiee B. Idris	MEd.(ITTHO),BSc Elek(Elektronik Perubatan)(ITTHO) Sijil Kej. Elektrik (Kuasa)(POLIMAS)
20.	Lee Moi Fong	MEd.(ITTHO),BSc Elektr.(Perhubungan)(ITTHO) Sijil Kej. Elektr. (Perhubungan)(PPD)
21.	Norlisa Bt. Sulaiman	MEd.(ITTHO),BSc Elektr.(Perhubungan)(ITTHO) Sijil Kej. Elektr.(Perhubungan)(PPD)
22.	Azlina Bt. Nordin	MEd.(ITTHO), BSc Electrical Eng.(ITTHO) Sijil Kej. Elekt(Tek. Komp)(PPD)
23.	Ong Seng Keong	MEd.(ITTHO),BSc Elektr.(Tek. Komp)(ITTHO) Sijil Kej. Elek(Tek. Komp)(POLISAS)
24.	M.Chandran A/L Maruthan	MEd.(ITTHO),BSc Elektr.(Tek. Komp)(ITTHO) Dip. Kej. Elekt(Kuasa)(UTM),Sij.Kej.Elekt(Tek. Komp)
25.	Junainah Bt. Hj. Abd Kadir	MEd.(ITTHO),BSc. Elec(Alatan & Kaw)(ITTHO) Sij.Kej. Elektrik(Kuasa)(PPD)

26. Azwa Bt. Hasnan	MEd.(ITTHO),BSc Elektr.(Perhubungan)(ITTHO) Sijil Kej. Elekt(Perhubungan)(PUO)
27. Rohayu Bt Ses	MEd.(ITTHO), BSc.Elec(Alatan & Kaw)(ITTHO) Sij. Kej.Elektrik(Kuasa)(PPD)
28. Rozanita Bt. Baharuddin	MEd.(ITTHO),BSc Elektr.(Tek. Komp)(ITTHO) Dip. Elektronik(UTM),Sij.Kej.Elektrik(POLISAS)
29. Shamsiah Bt. Shaarani	Dip. Kej. Elektrik(Perrh)(UTM)
30. Visvanattan A/L Karrupanan	Sijil Perguruan (MPT)
31. Mohd Nor Mazlan B. Ismail	Dip. Eng.(Elect Power)(ITM)
32. Halimah Bt. Kamaruddin	Dip.Kej.Elektrik(Elektronik)(ITM)
33. Mostafa B. Razali	Sijil Perguruan Asas(MPT)
34. Ja'far B. Suradi	Dip.Eng.(Elect. Comm)(UTM), Cert. Ed(IPDA)
35. Maznan B. Mohamad Saman	Sijil Perguruan(MPTKL), Sijil Kej.Elektrik(Kuasa)
36. Tajol Arifen B. Hj Jamil	Sijil Perguruan (MPTKL)
37. Maria Bt. Mansor	Dip.Kej.(Elek. Perubatan)(ITTHO) Sijil Kej.Elektr.(Perh)(PPD)
38. Zuriyati Bt. Harun	Dip. Eng & Ed (Elec. Comm)(ITTHO)
39. Hjh Rohana Bt. Hj Muhd Lawi	Dip. Eng & Ed(Mekatronik)(ITTHO), Cert. Eng. (Elec. Com)(POLISAS)
40. Haizam Bt. Mohamad	Dip. Kej. Elekt(Tek. Komp)(ITTHO) Sijil Kej. Elektr(Perh)(PPD)

SENARAI KAKITANGAN AKADEMIK
JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL

1.	Mohd Ghaus B. Ab Kadir	MsC(auto),ISVR(Southampton) Beng(Hons)(Mech)(Liverpool),PGCE(Tech)(Jordanhill)
2.	Mohd Fauzi B. Mansor	BSc(Mech Eng)(Wichita, USA),SPLI(Mptkl)
3.	Isa B. Kasim	BEng(Hons)(Plant Eng)(Notti) Dip Eng(Mech)(UTM) Cert Eng(Mech)(PUO)
4.	Ishak B. Hj Sarip	BEng(Hons)(Agric)(UPM)
5.	Ali B. Mamat	BEng(Hons)(Agric)(UPM), Dip Eng (Agric)(UPM)
6.	Mohamad Salleh B. Abdullah	BEng(Hons)(Mech)(UTM)
7.	Jamaliah Bt. Md Salleh	BEng(Hons)(Mech.Eng)(UTM),Dip.Eng(Mech)(UTM)
8.	Kalsom Bt. Sailan	BEng(Hons)(Agric)(UPM)
9.	Mohd Asri B. Sarbun	B.Tech&Ed(Mech)(UTM), Cert Ed(Auto)(MPTKL)
10.	Sera Rahayu Bt. Kamat	BEng(Hons)(Mech)(UTM), Dip.Eng(Mech)(UTM) Dip Ed(UTM)
11.	Agus B. Dollah	B.Tech&Ed(Hons)(Mech)(UTM), Dip.Eng(Mech)(UTM)
12.	Ahmad Zailani B. Ahmad	MEd.(ITTHO),BSc.Kej.Mekanikal(ITTHO) Sijil Tek. Pemb (POLIMAS)
13.	Khor Seow Loon	MEd.(ITTHO),BSc.Kej.Mekanikal(ITTHO) Sijil Tek. Pemb (POLIMAS)
14.	Ahmad Affandi B. Abd Khalil	MEd.(ITTHO),BSc.Kej.Mekanikal(ITTHO) Sijil Tek. Pemb (POLIMAS)
15.	Wong Kee Meng	MEd.(ITTHO), BSc.Kej.Mekanikal(ITTHO)
16.	Zulfaka B. Zainal	MEd.(ITTHO), BSc(Manu. Tech)(ITTHO) Sij. Tek. Pemb (PPD)
17.	Ramli B. Ngatniman	MEd.(ITTHO), BSc.Kej.Mek.(Material)(ITTHO) Sij.Kej.Jentera Am (PUO)
18.	Abdul Halim B. Razali	MEd.(ITTHO), BSc.Kej.Mekanikal(ITTHO) Sij. Kej. Auto (POLISAS)
19.	Maya Sofa Bt. Ismail	MEd.(ITTHO), BSc.Kej.Mekanikal(ITTHO) Dip.Eng(Mech)(UTM)
20.	Mohd Omar B. Othman	BSc Kej.Mekanikal(UTM)
21.	Mohd Ruzi B. Harun	Sarj. Muda Kej. Mekanikal(ITTHO) Dip.Kej.Mek(UTM)
22.	Hazman B. Abu Hassan	BSc (Mech Eng)(ITTHO) Sij.Auto.Diesel(PPD)
23.	Melor Bt. Abd Manaf	Dip Eng(Mech)(UTM)
24.	Ali B. Sies	Cert Ed(Auto)(MPTKL)
25.	Uda Zahli B. Hj Omar	Cert Ed(Refrig.&Air-cond)(MPTKL)
26.	Yoong Lian Shing	Cert Ed(MPTKL)

27. Hj Mt Kamil B. Faiman	Cert.Ed(Welding)(MPTKL)
28. Mohammed B. Amin Khan	Cert.Eng(Ref.&A.C.)(PUO), Cert.Ed(Ref.&A.C.)(MPTKL)
29. Mohd Radzuan Hairi B. Mat Din	Dip Eng(Mech)(UTM)
30. Hanim B. Saif (SAIB)	Dip. Eng.&Ed(Mech)(ITTHO), Cert.Eng(Prod)(POLISAS)
31. Razali B. Malik	Dip. Eng.&Ed(Mech)(ITTHO), Cert.Eng(Prod)(POLISAS)
32. Wan Mohd Ridzuan B. Wan Husin	Dip. Eng.&Ed(Mech)(ITTHO), Cert.Eng(Prod)(POLISAS)
33. Mohd Zawawi B. Ismail	Dip. Eng.&Ed(Mech)(ITTHO), Cert. Eng(Prod)(PKB)
34. Abd Ghani B. Abd Malek	Dip. Eng.&Ed(Mech)(ITTHO), Cert.Eng(Loji)(POLIMAS)
35. Nordin B. Harun	Dip. Eng.&Ed(Mech)(ITTHO),
36. Azmi B. Hj Udi	Dip. Eng.&Ed(Mech)(ITTHO), Cert.Eng(Mech)(POLISAS)
37. Mohd Fakurudin B. Abdul Manaf	Dip. Eng.&Ed(Mech)(ITTHO), Cert.Eng(Auto)(PUO)
38. Mustaffa Kamal B. Mohamad	Dip. Eng.&Ed(Mech)(ITTHO), Cert.Eng(Auto)(POLISAS)
39. Md Ikram B. Abdul Aziz	Dip.Eng&Edu.(ITTHO), Sijil Kej.Logi(POLIMAS)
40. Mashudi B. Hj. Nahrawi	Dip.Eng&Edu(ITTHO), Sijil Kej. Pertanian(PKB)
41. Azizan B. Saad	Dip. Kej. Mekanikal(Metalurgi)(ITTHO) Sij.Kej.Mekanikal(PPD)



SENARAI KAKITANGAN AKADEMIK
JABATAN PERDAGANGAN

1.	Mohd Kharir B. Mohd Ibrahim	MSc.Account.(USA),B.Account.(Lancaster Uni,UK)
2.	Rohana Bt. Hassan Basri	Mba(UKM), BBA(UKM),Dip.Ed(UKM)
3.	Rokiah Bt. Omar	BBA(Wichita State Univ.USA),SPLI(MPT)
4.	Hindon Bt. Sulaiman	BAC(Hons)(UKM), DIA(ITM),Dip.Ed(UKM)
5.	A.Jalil B. Md. Zain	BAC(Hons)(UKM),Ins.Co-Auditor(ICAG),RA(MIA),AMIM
6.	Shahariah Bt. Mohd Salleh	Adv Dip(ACC)(ITM), DIA(ITM)
7.	Noridah Bt. Othman	B Acc(Hons)(UPM),Dip.Eng(Agric)(UPM)
8.	Sofiah Bt. Sobi	BSc(Agr Buss)(UPM), Dip.Ed(IPDA)
9.	Rosniyati Bt. Abd Razak	BSBA(Mgt/Pair)(St.Louis,USA),SPLI(MPT)
10.	Zulkifli B. Ibrahim	B.Acc(Hons), Dip. Acc (ITM)
11.	Munirah Bt. Abdul Ghafur	BBA(Hons),Sijil Perguruan Asas
12.	Hazira Bt. Saleh	MEd. Kewangan (ITTHO), Sar.Muda P.Perniagaan(UUM)
13.	Jamilah Bt. Hussain	MEd. Kewangan (ITTHO) Sar.Muda. P.Perniagaan(UUM),Dip.Bank.Studies(ITM)
14.	Shukeri B. Mohamad Ros	MEd.(ITTHO),Sar. Muda.P.Perniagaan (UUM) Dip. Perniagaan (ITM)
15.	K.Devaki A/P Kanapathi	MEd. Pemasaran (ITTHO) Sar.Muda.P.Perniagaan (UUM)
16.	Noraini Bt. Kamarudin	MEd.(ITTHO),Sar. Muda.P.Perniagaan (UUM) Dip. Perniagaan (ITM)
17.	Muhamad B. Mohd Shah	MEd.(ITTHO),Sar. Muda.P.Perniagaan (UUM) Dip. Pemasaran(POLISAS)
18.	Aniza Bt. Yaacob	Sarjana Pend.(ITTHO),BA Business Admin(UKM)
19.	Nor Zarina Bt. Pitdin	Sarjana Pend.(ITTHO). Ijaz.Sar.Muda Pent. Perniagaan(UKM)
20.	Amimah Bt. Talib	Sarj.Pend.(ITTHO),Ijaz.Sar.Muda Pengr.Perniagaan(UUM) Dip. Kaj. Pern & Pengr.
21.	Harlina Bt. Nordin	MEd. (ITTHO),BSc.(Accounting)(UK), Dip.(Banking Studies)
22.	Emilya Bt. Zurida	MEd.(ITTHO),BSc.(Buss.Admin)(UKM) Dip.Buss Stud(UTM)
23.	Arshad B. Kechil	Sijil Per. Perdagangan(MPIK)
24.	Ashri B. Taib	Dip(Transportation)(ITM),Cert.(Buss.Stud)(PUO), Cert. Ed(Commerce)(MTPKL)
25.	Liza Bt. Mohd Salleh	Dip(Stenography)(ITM),SPLI(MPT)
26.	Dayang Dijah Bt. Awang Weng	Dip(Accountancy)(ITM)
27.	Zubidah Bt. Ibrahim	Dip(Buss Studies)(ITM),SPLI(MTP)
28.	Norhayati Bt. Hj Taman	Dip(Banking)(ITM),SPLI(MTP)

SENARAI KAKITANGAN AKADEMIK
JABATAN PENGAJIAN AM

UNIT AGAMA

1.	Wan Mohd Hujjatullah B. Wan Ghazali	BA(Hons)(Pengajian Islam)(UKM), Diploma Pend.(MPBR,K.TRG)
2.	Nooraini Bt. Hj Ismail	BA(Hons)(Pengajian Islam)(UKM),Dip.Ed(KPLI)
3.	Hamdan B. Sulaiman	BA(Hons)(Peng.Islam)(Al-uran&Sunnah)(UKM),SPLI(MPI)
4.	Omar B. Abdul Rahman	Sarj Muda Peng. Islam(Usuluddin&Falsafah)(UKM), Dip.Ed(UIA)
5.	Rosnah Bt. Tahar	Sarjana Pengajian Islam (UKM)
6.	Darmila Bt. Ali	Ijaz.Sarj.Muda(UKM), KPLI(MPI)
7.	Shamsul Kamal B. Abdullah	Ijaz.Sarj.Muda Syariah Islamiah(Jayyid)(Al-Azhar), Dip.Pend
8.	Hasni B. Hassan	B.A(Jurisprudence&Legislation)(Jordan) Dip.Ed.
9.	Che Kamaruddin B. Che Pa	B.A(Hadith)(Al-Azhar) Dip.Pend.L.Ijazah(UTM)
10.	Muhamad Ramle B. Salleh	Ijaz. Sarjana(Usuluddin)(IAIN,Medan)DPLI
11.	Zamri B. Ibrahim	Ijazah Sarj. Muda 9 syariah Islamiyah)(Al-Azhar) Dip.Pend.(MPKT)

UNIT BAHASA INGGERIS

1.	Izawati @ Siti Zawiyah Bt. Isa	BA(Hons)(English)(UKM), KPLI(MPPPP),TESL
2.	Elaine Lee	BSc. Plant Sciences(Waikato), Dip Ed(UM)
3.	Rusni Bt. Mohd Nor	Sarjana(UTM), Diploma Perguruan, Sijil Perguruan
4.	Dalilah Bt. Hj Zainal Abidin	BA(Hons)ELT(Birmingham, UK)
5.	Hamidah Bt. Baharom	BA(Hons)ELT(Birmingham, UK)
6.	Loh Yoke Len	BA(Hons)ELT(Birmingham, UK)
7.	Megat Ahmad Murad B. M Baharuddin	BA(Hons)ELT(Birmingham, UK)
8.	Lee Ming Fong	BA(Hons)ELT(Birmingham, UK)
9.	Baljinder Singh A/L Marhar Singh	MA(UPM) Ijaz.Sarj.Muda Sastera(USM) Dip.BI(UM), Sijil Guru(MPRM)

SENARAI KAKITANGAN AKADEMIK
JABATAN MATEMATIK, SAINS & KOMPUTER

1.	Mohd Redza B. Ma'amor	B Ed (VTE)(USA),CTTSO(UK), Dip Eng (Elect Comm)(UTM)
2.	Solomon Lee Meng Cheng	B Eng(Hons)(Chemical)(UM),Dip Ed(UM)
3.	Mustafar Kamar B. Ujang	MSc(Constr.)(UK),B.Eng(Hons)(UK)Dip.Kej.Awam(UTM)
4.	Zuraidah Bt. Ahmad	MSc(Penggunaan Sumber Manusia)(UKM) B.Eng(Civil&Structural)(UNIMAS)
5.	Zainaton Bt. Zainal Abidin	BSc(Hons)(Computer Sc)(Korea), Dip(Computer Sc)(ITM),SPLI(MPT)
6.	Mahmooddin B. Hj Ismon	B.Eng(Plant Eng)(Notting,UK), Dip Eng(Mech)(UTM), Cert.Eng(Mech)(PUO)
7.	Rahimah Bt. Shahar	BSc.(Civil Eng)(UTM)
8.	Ahmad Kamal Ariffin A Rahim	Ijaz.Sarj.Muda Kej.Awam(ITTHO), Dip.Pend(ITTHO) Dip.Kej.Awam(PPD),SijilKej.Awam(POLISAS)
9.	Zawawi B. Daud	Ijaz.Sarj.Muda Kej.Awam(ITTHO), Dip.Pend(ITTHO) Dip.Kej.Awam(PUO),SijilKej.Awam(PUO)
10.	Zahril B. Harun	BSc(Civil Eng.)(ITTHO), Dip. Pend (ITTHO) Dip.Kej.Awam(PPD)



C...



Aktiviti Politeknik Sesi Jan 2000

JANUARI

18	>Pendaftaran pelajar baru sesi Jan 2000
18-21	>Kursus Induksi
24	>Pendaftaran pelajar baru sem. 5 & pelajar lama
31	>Pendaftaran pelajar lama (lulus bersyarat)



FEBUARI

1	>Pendaftaran pelajar dalam kegiatan kokurikulum
2	>Perlantikan AJK tertinggi Kelab Kejuruteraan Elektrik
3	>Taklimat LI (I)
4-6	>Pesta Sukan Jabatan Kerajaan Daerah Port Dickson
7-13	>Cuti pertengahan semester
14-20	>Mingguan sukan Jabatan Elektrik & Awam
21-27	>Mingguan sukan Jabatan Mekanikal & Perdagangan
28-29	>Minggu Kesedaran Islam >Dokumentari tragedi di Balkan









MAC

1-5	>Minggu Kesedaran Islam
7	>pelancaran ISO 9002
6-14	>Pesta sukan ke-18; Fasa 1
11	>Kuliah Jumaat untuk muslimah
	>Aktiviti asrama
25	>Seminar Kepimpinan Islam
29	>Majlis makan malam Jabatan Mekanikal
30	>Sukaneka Jabatan Awam
31	>Lawatan sambil berlatih ke Persatuan Seni Silat Gayong Air Molek



APRIL

1-4	>Majlis Sukan Politeknik
1-5	Malaysia di PUO
3-9	>Cuti pertengahan semester
10-16	>Pesta sukan ke-18; Fasa 2
14	>Program Tilawah Al-Quran
18	>Sukaneka Jabatan Elektrik
19	>Malam penghargaan sukan
20	>Forum Perdana Ehwal Islam 'JODOH'
25	>Pilihanraya JPP

ANALISIS KEPUTUSAN
SUKAN ANTARA JABATAN MENGIKUT
SETIAP PEMAINAN

Acara Sukan	Johan	Naib Johan
Bola Tampar (*L*)	Mekanikal	Elektrik
Bola Tampar (*P*)	Perdagangan	Awam
Hoki (*L*)	Elektrik	Mekanikal
Hoki (*P*)	Perdagangan	Elektrik
Bola Jaring	Awam	Perdagangan
Sepak Takraw	Elektrik	Staf
Ragbi	Mekanikal	Elektrik
Tarik Tali (*L*)	Awam	Mekanikal
Tarik Tali (*P*)	Elektrik	Mekanikal
Tennis (*L*)	Elektrik	Mekanikal
Tennis (*P*)	Perdagangan	Elektrik
Catur (*L*)	Mekanikal	Elektrik
Catur (*P*)	Elektrik	Perdagangan
Badminton (*L*)	Mekanikal	Elektrik
Badminton (*P*)	Perdagangan	Awam
Karom	Mekanikal	Elektrik
Bola Keranjang (*L*)	Elektrik	Mekanikal
Bola Keranjang (*P*)	Elektrik	Awam
Bola Sepak	Mekanikal	Mekanikal
Ping Pong (*L*)	Mekanikal	Elektrik
Ping Pong (*P*)	Awam	Perdagangan



JOHAN KESELURUHAN

LELAKI - **MEKANIKAL**

PEREMPUAN - **PERDAGANGAN**

SINARAN.....
PERDAGANGAN
2000.....?!!!













batman7777@hotmail.com

MACAM-MACAM


"Aii... Besin pulak..!! Ade orang cakap aku ker ?!"
"Eh....! Cameraman ambik gambar I la... Biar I tunjukkan sikit... Uug...Hoo....."
A : Eh... Awek kau cun la.. siapa nama..?!
B : Bile kau nampak..?! I tak de awek ma..(cam ner dia tau?)
L : Eh...2 budak tu cakap pasal kita bab.. Best jugak jadi Jurulatih.....
R : Yer la...Oii..! Janganlah pandang, control seperti saya ada gaya sikit...
All : Yeh....Hoo...Yes...!! Menang Lagi.....
P : Erh lehhh... Bukan korang yang main....cam yer..yer..
A : Eh.. Belakang 2 tu siapa...?!
B : Dengar-dengar, cam Jurulatih kan...???
A : Tak tau la.. Tengok cam...
B : Cam aper...?
A : Kutip bola punyer... Tu pun mau tanya ah...
A&B : He..he..he...
"Kali ni aku mampoi..la.. Mesti kalah punye.... Tsh..Tsh.."
" Ha.. Tengaok gua sorang lawan 2plo orang "



B : Amboii..Ma Aii....!!! Pendek nak lawan cam mana, U hanya 1/3 drpd I...?!
D : Heh...!! U sibuk apasal... Tampar U punya bola la... Pendek tak leh..
B : Amdik kau.....



Ni..la..Tiga orang yang bersama selalu....yang paling bersatu dalam poly ini.... yang tersayang...



C : Bsii..Bsii...!! Awek' cun ' ohhhh...
D : Eh..! Tu bukan awek la.. Tu pertandingan ' bapok ' tu....

" Aii...Ni Macam Ker.. FOREST CAT....?! "





P : Aii...?! Bang mana bola pegi..?
Q : Mana bola..Mana bola...!!!!!!!!
Pi ambik kat longkang tu..!!!
Dah kalah sampai tak Ingat.
Ingat dunia heh..
P : Abang dah marah..??!
Q : Takkk..... Seronok.....



" Jom balik ka...Jom balik ka...Jom balik balik...! "

" Waah... Cam pertandingan silat jer ....?! "



aaron lau@usa.net



Hebat aku...!



"Penuh bergaya"



Aduh...letih mak!



"Berkorban Apa Saja..."



D...

BUTIR - BUTIR

CEMERLANG



PELAJAR

LULUSAN TAHUN 1999



1. JABATAN KEJURUTERAAN AWAM

Nama : SIM LEE GAIK

No. Pendaftaran : 120 DKA 96

No. Kad Pengenalan : 771123-08-6592

Tarikh Lahir : 23/11/77

Sekolah Lama : Sekolah Menengah Tunku Besar Tampin.

Alamat : Tebong Estate, 76460 Tebong, Melaka.

Telefon : 06-4486244

Kelulusan Akademik : SPM (Pangkat 1)

2. JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK

Nama : ZAIDI BIN BORHAM

No. Pendaftaran : 127 DEP 97

No. Kad Pengenalan : A 3903275

Tarikh Lahir : 21/1/1978

Sekolah Lama : Sekolah Menengah Tenang Stesen Segamat, Johor.

Alamat : 594, Jalan Cempaka, Felda Redang, 85300 Segamat, Johor.

Kelulusan Akademik : SPM (Pangkat 1)

3. JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL

Nama : KHOR CHENG CHYE

No. Pendaftaran : 108 DJA 97

No. Kad Pengenalan : 770507- 07- 6065

Tarikh Lahir : 7/5/77

Sekolah Lama : Sekolah Menengah ST Mark, Butterworth , Pulau Pinang.

Alamat : 4445, Jalan Raja Uda, 12300, Butterworth, Pulau Pinang.

Telefon : 04-3310708

Kelulusan Akademik : SPM (Pangkat 1)



4. JABATAN PERDAGANGAN

Nama : LISA CHENG YEW KIT

No. Pendaftaran : 109 DPR 96

No. Kad Pengenalan : 780731 –14 –5618

Tarikh Lahir : 31/7/1978

Sekolah Lama : Sekolah Teknik Tuanku Ja'afar, Seremban.

Alamat : 240, Jalan Dato Muda Linggi, 70100 Seremban, Negeri Sembilan.

Telefon : 06-7643700

Kelulusan Akademik : SPM (Pangkat 1)

E...

KARYA!..!

KARYA?..



DI SINI ...
(BUAT SEMUA PELAJAR AKHIR)

DI SINI.....
SEGALANYA MENJADI TIITK MULA
SEBUAH PERJUANGAN
KEGEMBIRAAN, KEDUKAAN, TAWA DAN AIR MATA
MEJADI TEMAN PADA SEBUAH PERJUANGAN
PERJUANGAN MURNI DI MEDAN ILMU

TAK PERNAH TERLINTAS
IA BAKAL BERAKHIR
TAPI BUKAN BERAKHIRNYA PERJUANGAN
JIKA DISINI JUGA KITA BERAKHIR
BUKAN BERMAKNA PERJUANGAN TETAP BERAKHIR
SELAGI LANGKAH KAKI DIHAYUN
SELAGI DIRI MEMERLUKAN
SELAGI ITU PERJUANGAN PERLU DITERUSKAN

DI SINI.....
PERNAH ADA SISA-SISA KENANGAN
TINGGALAN BUAT INGATAN
KENANGAN TETAP ABADI
SEKADAR MEMORI BUAT SEMUA
DI SINI...PERNAH ADA INSAN
PENGHUNI MEDAN SUCI INI
SEKADAR MENUMPANG KASIH
KASIH YANG AKAN KU BAWA
BAKAL MENERUSKAN PERJUANGAN SUCI

TEMAN..... INI BUKAN NOTA TERAKHIR
PERJUANGAN KITA CUMA DI SINI
MOGA DI HARI YANG MENDATANG
KITA DITEMUKAN DI SANA
MENERUSKAN KEMBALI PERJUANGAN SUCI.....

-AbasOasis-

Hatinya gelisah. Duduk tidak senang, berdiri juga serupa. Pening kepala dia memikirkannya. Semakin hendak dileraikan, semakin kusut jadinya. Bukannya dia tidak cuba. Semakin dia cuba, semakin berat ujian yang datang. Tidak sekali pun dia sangsi dengan kebesaran dan keesaan Khaliknya Dia juga yakin bahawa Rasulullah itu pesuruhNya. Namun, kepercayaan yang dimiliki itu tidak mampu menjadikan dia seorang hamba dan pengikut yang taat setia. Bukan dia tidak sedar dengan janji Tuhan. Segalanya pasti datang. Bukan juga dia ingin mencuba-cuba seandainya mungkin dia dapat memohon kemaafan itu di akhir perjalanan hidupnya kerana dia tahu yang Khaliknya amat pengampun maha penyayang.Tidak! bukan itu yang menghalangnya.



Perbuatan itu jika dipelajari, mudah sahaja. Apa susahnya? Pada dasarnya amat mudah. Mula-mula sucikan diri dari hadas kecil dan besar. Setelah itu, terus sahaja mendirikannya. Dengan dada menghadap Makkah Al Mukarramah, lafazkan niat. Bertakbiratulihram dan bacalah Al-Fatihah serta surah. Kemudian, rukuk merendahkan diri kepadaNya dan seterusnya sujud serendah-rendahnya kerana manusia ini hambaNya. Bacaan-bacaan perlulah sempurna dan lakukan dengan ulangan mengikut rakaat yang ditetapkan. Akhiri dengan salam dan berdoalah kepadaNya kerana Dialah yang Maha Kuasa, Raja seluruh alam. Perbuatan itu pastinya tidak susah jika dilihat dari segi ini. Namun, Ya Allah, kenapa anggota-anggota diri terasa amat berat untuk digerakkan apabila tiba masa mengerjakannya?

Pernah suatu waktu dahulu, dia mencuba sedaya upaya. Kedengaran sahaja azan berkumandang, segera dia berwudhu dan duduk di tikar sembahyang, sedia untuk mengerjakannya. Perkembangan yang baik untuk beberapa hari. Tetapi pada satu Asar, dia tertidur seluruhnya. Maghrib itu amat berat untuk dia kerjakan, kemudian Isyak bertambah berat. Berat seberat kelopak matanya yang semakin layu. Esoknya, Subuh juga liat. Zohor dibiarkan berlalu dengan urusan-urusan dunia dan dia semakin hanyut.

Berbulan selepas itu, dia mencuba lagi. Kali ini dia berazam akan melakukannya lima kali setiap hari. Akan dilaksanakannya bersungguh-sungguh. Itu tekadnya. Namun, begitu jua akhirnya. Dia tewas dengan dirinya sendiri. Hanya dengan sedikit halangan, dia tidak mampu mengerjakannya.

Sesungguhnya dia tahu bahawa Syaitan dan Iblis itu sudah ada perjanjiannya dengan Ya Rabbul Alamin. Akan mereka cuba menyesatkan anak-anak Adam sehingga tibanya hari pembalasan. Pastinya dia tidak terlepas dari janji itu. Dia juga anak cucu Adam. Dia tidak akan terkecuali dari menjadi mangsa makhluk yang dicipta dari api itu. Sungguh kejam makhluk celaka ini!

Tetapi, bila dia memikirkannya semula, bukankah manusia itu dikurniakan akal? Kenapa perlunya dia tewas dengan makhluk jahanam itu? Sekali lagi dia bingung memikirkan jawapan pada soalan yang dia sendiri timbulkan. Nafsu! Yang Maha Berkuasa dan Maha Mengetahui juga mencipta nafsu! Nafsu inikah yang menyesatkan dia, selain dari makhluk yang dilaknat itu? Pokok pangkalnya, kenapa dia yang berakal dan bernafsu ini tidak mahu melakukan perkara sesenang itu?

Termenung dia di sofa empuk yang dibeli hasil pendapatan perkerjaan professionalnya. Dia merenung pangsapuri sederhana mewah tempat dia berlindung hari-hari. Dia menatap perabot-perabot alaf baru yang bersesuaian dengan citarasa mudanya. Tiba-tiba dia mengangkat punggung, kakinya diatur satu persatu, melangkah ke bilik air dan berwudhu. Waktu Maghrib sudah dipenghujungnya tetapi dia masih sempat.

- Ledalu/DEP/99 -

itu Lee....

(PADAN MUKO EKAU...)

iejan-98@Hotmail.com.



MORAL: Jangan Layan Pompuan Yang MATERIALISTIK Dan SOMBONG!

SEULAS SALAM SEGUGUS KEIKHLASAN

Bebayang keinganan mengusik sukma,
Kelibat jasad selaku watak ,
Menyoal hati mengamit minat,
Harus diapakan persoalan dibenak?
Lantaran salam diutus harap,
Disambut ikhlas, wahai Dik Yana... ...

Alunan ikatan irama
silaturrahim
Kasih abang pada yang
hormat
Rentetan kisah memagut
insaf
Suratan Ar-Rahman
hikmah terselindung
Pasrah , redha
dianyam seiring
Bertawakallah, Wahai
Dik Yana... ....



Kian melebar gerbang
mendamba
Mengundang,
menerobos sempadan
jiwa
Dipahat kisah teladan terukir
Luahkan gelodak hadir yang
sudi
Berkongsi maung berbagi bahgia
Tulus mendokong merangsang nekad
Intailah arah tujumu, wahai Dik
Yana... ....

Maaf disusul bersaing ampun
Aib dikubur hipokrit bermakam
Niat mengguris sepicin tidak
Lontaran tinta penghargaan dimaktub
Izinkan si Abang, wahai Dik Yana....
Moga yang Esa memayungi hayat....

-Mat Pantun –

ERTI CINTA



Kutanya ibu,
Apa erti cinta?
Kata ibu, cinta itu murni
Tetapi amat sukar untuk
ditafsirkan
Namun amat bahaya jika
Terperangkap

Kutanya papa,
Apa erti cinta?
Kata papa, cinta itu suci
Dianugerahkan tuhan
kepada
Makhluknya

Katanya lagi
Kalau cinta pada bunga,
Ia akan layu
Kalau cinta akan manusia
Ia akan tetap
Kalau cinta akan dunia ,
Ia pasti binasa.....

Namun andainya engkau
cinta
Akan Tuhanmu,
Ia adalah cinta yang sejati
dan...
Pasti akan kekal abadi.....

GNR_2000

DILEMA ADILAH

Malam ini Adi tidak pergi ke kelab kerana kurang sihat. Dari bangku yang didudukinya sejak tadi, Adi beralih ke bangku lain sambil mencapai telefon. Ganggangnya diangkat.

" Hello, Syireen ada? " Adi bertanya.

" Ya, Syireen di sini, Adi ya? Tak kerja? "

" Tak, hari ini demam sikit. "

" Tu...lah siapa suruh kerja kat disko, tiap-tiap malam sedut asap yang berkabus di dalam tu, mana tak sakit. "

" Ni yang aku boring ni. Asal aku call je, kau berleter. "

" Bukan apa, aku cuma ambil berat pasal kau. "

" Kalau ya kau ambil berat, jom ikut aku round KL malam ini. "

" Eh..kan tadi kata sakit... kenapa pulak ajak aku keluar? "

" Aku rindu kat kau...jomlah saying..."

" Em...Oklah, jumpa kat tenpat biasa o.k.? "

" Adi terus bangun, mencapai seluar jeans, kemeja hitam dan jaket kulit. Tepat pada waktu yang dijanjikan, Adi berjumpa dengan Syireen.

" Aku dengar kau break-off dengan girlfriend kau, betul ke? " Syireen memulakan perbualan.

" Boringlah dia tu, demand lebih-lebih. Aku cashier je kat disko tu, bukannya manager. "

" So, siapa penggantinya? "

" Engkaulah, kau sudikan. "

" Eh.. come onlah Adi. Sorrylah. Aku ini kan tunang orang. Oh ya, minggu depan member aku pindah dekat rumah aku. Bapa dia ditukarkan ke KL. Jadi aku buat makan-makan sikit,... nak celebrate dengan geng. Kau jangan lupa dating, ya. "

" OK...as your wish my dear. "

Tepat pada hari dan waktu yang dijanjikan, Adi sudah bersiap untuk menghadiri jamuan di rumah Syireen. Rambut yang tersisir rapi menampikan dirnya yang kemas. Dipadankan pulak dengan kemeja berlengan panjang yang dilipatkan di hujung pergelangan tangan, menampakkan imej yang bersahaja.

" Kau nampak kacak malam ini, " puji Syireen.

" Biasalah takakn kau tak kenal aku, kitakan dah lama berkawan. "

" Aku faham. Mari aku kenalkan dengan member baru aku. "

Di suatu sudut kelihatan seorang gadis manis. Rambutnya lurus mececah bahu. Tubuhnya langsing dengan ketinggian sederhana. Wajahnya manis dengan gincu merah menaikkan lagi seri di wajahnya. Adi terpegun.

"Lina, kenalkan ini kawan Reen, Adi. "

" Hello, apa khabar? Saya Adlina, panggil saja Lina. Sayalebih senang dengan panggilan itu. "

" Saya Adi. " Adi menghulurkan tangan.

Adi berasa senang berbual dengan Lina. Dia tidak seperti gadis-gadis lain yang pernah dikenalinya. Lina lemah-lembut, berpendirian dan begitu sempurna di mata Adi. Pertemuan kali pertama pada malam itu tidak berakhir di situ sahaja, dan mereka makin mesra. Pertemuan demi pertemuan diatur sehingga berputiknya bibit-bibit cinta antara mereka berdua.

Malam itu Syireen dan Lina duduk berbual. Tiba-tiba Syireen bertanya-tanya tentang Adi.

" Lina dengan Adi macam mana sekarang? "

" Kenapa, apa maksud Reen? "

" Yalah... hubungan kamu berdualah. Macam mana serius atau main-main? "

" Sekarang ini kami selalu berjumpa. Lina sukakan dia. Dia baik. "

" Maksud Lina. Adi dan Lina berkasih! " Syireen meniggikan sedikit suaranya.

" Eh kenapa, cemburu ke? " Suara Lina bagaikan menyindir.

" Tak, aku tak cemburu, tapi kau, kau belum kenal siapa Adi sebenarnya, dari mana asalnya, hati budinya. "

" Tetapi Reen, Lina rasa yang Lina kini cintakan dia. "

" Lina!!! " Suara Syireen makin kuat.

" Kenapa ini... kenapa kau marahkan aku? "

" Kau tak faham Lina, kau belum mengerti. Aku harap, kau jauhkanlah dirimu dari Adi. "

Syireen membisu. Fikirannya bercelaru. Apakah harus dia menceritakan segala-galanya kepada Lina? Ah... tidak. Dia sudah berjanji dengan Adi sejak lama dulu. Dia mesti berpegang pada janji yang satu itu. Tapi di pihak yang lain, demi kebaikan Lina, dia harus memberitahunya. Perbualan mereka terhenti apabila mereka dikunjungi tetamu.

Esoknya Syireen bertemu dengan Adi.

" Adi, apa dah jadi antara kau dengan Lina? " Syireen mula bertanya.

" Kenapa? "

" Adi, aku nak tahu sejauh mana hubungan kamu berdua. "

" Syireen, aku tak mahu membohongi kau sebab kau kawan aku. Lebih baik aku berterus terang. Sebenarnya setelah aku mengenali Lina, aku mula menyayanginya. Dia memahami jiwaku dan seolah-olah menghidupkan jiwaku yang kosong selama ini. Maaf, jika aku cinta padanya. "

" Adi!! " Tapak tangan Syireen tida-tida hinggap di pipi Adi. Jelas kelihatan kesan tapak tangan di pipi kiri Adi.

" Kau tahu tak apa yang kau cakapkan ni? Kau tahukan, yang kau tak boleh hidup bersamanya. Kenapa Adi, kenapa kau sanggup buat begitu terhadapnya? " Syireen tidak dapat menahan sebak lalu menitiskan air mata.

" Syireen, baiklah aku akan jauhkan diriku dari Lina. Janganlah kau risau tentang hubungan kami. Mulai saat ini aku tidak ada apa-apa hubungan lagi dengannya. Maafkan aku. " Adi terus berlalu.

Sudah tiga minggu Lina tidak bertemu Adi. Dia sangat merindui Adi. Kenapa Adi tidak menghubunginya? Sedang dia mengelamun, tiba-tiba telefon berdering. Dengan malas dia bangun dan mencapai gagang telefon.

" Hello. "

" Lina, kita jumpa petang ini. Aku tunggu kau di tempat biasa. "

Suara itu membuatkan raut wajah Lina berubah. Dia tahu itu suara kekasihnya.

" Kenapa Adi ajak Lina keluar? " Tanya Lina memulakan dialog mereka petang itu.

" Sebenarnya ada sesuatu yang ingin Adi ceritakan pada Lina. "

Akhirnya dengan seribu kepayahan Adi memulakan bicara. Lina memandang wajah Adi dengan seribu pertanyaan. Adi melemparkan pandangannya kepada gadis dihadapannya.

" Lina, Adi sebenarnya bukan Adi yang Lina sangkakan selama ini. " Suara Adi semakin perlahan.

" Apa maksud Adi... Lina kurang faham. "

" Nama sebenar Adi adalah..." Adi berhenti. Dia memejamkan mata menahan kehibaan.

" ...Adilah " dia menghabiskan ayatnya.

" Adilah! " Lina terkejut. " Jadi... maksud Adi, Adi seorang gadis? " Lina menyergah Adi.

